


31 tan minyak masak dirampas



KETUA Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali (kiri) melihat sebuah lori yang disita dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Kuantan. FOTO T.N ALAGESH

Asrol Awang

am@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang merampas dan menyita kira-kira 31 tan minyak masak dalam serbuan di premis perniagaan di Kuantan, semalam.

Kementerian itu turut menyita dua lori dan sebuah tangki kerana disyaki menyimpan barang kawalan berjadual minyak masak di premis tidak berlesen dan penyimpanan barang kawalan secara tidak sah.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, dalam serbuan 4 petang itu, empat lelaki berusia antara 30 hingga 50 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, serbuan terbabit itu dilakukan hasil daripada maklumat awam dan risikan selama tiga minggu dengan nilai rampasan dan sitaan dianggarkan berjumlah RM327,500.

"Modus operandi yang dilakukan ialah dengan menggunakan lori satu tan yang berkeupayaan untuk menyimpan minyak masak kira-kira 1 tan.

"Mereka disyaki membeli minyak masak terbabit di premis pembungkus minyak masak berlesen dan membawa barang kawalan itu yang disimpan di sebuah premis.

"Kawasan sekitar premis yang diserbu adalah di kawasan perindustrian dan bengkel kenderaan berat," katanya kepada media, malam tadi.

Ahmad Fitri berkata, siasatan dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM1 juta atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, katanya, denda sehingga RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun

"Pertubuhan dan perbadanan boleh didenda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 2 Mac 2020 @ 12:04 PM